## Personal assistant allegedly killed woman after breakup

By **DURIE RAINER FONG**  
[newsdesk@thestar.com.my](mailto:newsdesk@thestar.com.my)

**KOTA KINABALU:** A personal assistant who allegedly stabbed his ex-girlfriend eight times at a shopping mall here was charged with murder at the Magistrate's Court here.

However, no plea was taken from Chung King Fung@Haider Daniel Chung after the charge was read before Magistrate Lovely Natasha Charles.

According to the charge sheet, Chung, 32, is alleged to have murdered Nurul Ain Silien, 22, at an ice cream parlour in Jesselton Mall here between noon and

12.20pm on May 29.

Prosecuting officer Insp Kelvan Elson Maik sought a new date for mention of the case, while awaiting the post-mortem report from the hospital along with the DNA test and forensics report from the Chemistry Department.

The court then fixed July 11 for the next mention of the case.

Lawyers Chin Teck Ming and Jul Hamri Jumhani represented Chung, who worked at an international construction company, while lawyer Nabila Norsahar held a watching brief for the victim's family.

It was reported earlier that the accused had stabbed his former

girlfriend eight times after the latter refused to continue their relationship.

The accused, however, called the police himself and waited until they arrived at the scene.


Kota Kinabalu Deputy OCPD Supt Kalsom Idris said the man had met up with the victim, who worked as a shop assistant at a shopping mall, to persuade her not to end their relationship.

However, Supt Kalsom said the victim rejected his pleas as she had made up her mind.

"Because of that, the suspect, who was enraged, stabbed her eight times, which led to her death," she said.



**Murder case:** Chung being escorted into court.



TAJUK : NON-CENSENSUAL SEX ACT CASE SET FOR MENTION JULY 17

HARI : SELASA

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 13 JUN 2023

M/SURAT : 16

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

## Non-consensual sex act case set for mention July 17

**KUALA LUMPUR:** The Sessions Court has scheduled the next mention date for July 17 in a case involving a businessman accused of engaging in a non-consensual sexual act with a woman using an object.

Judge Siti Aminah Ghazali fixed the date after a request from deputy public prosecutor Nidzuwan Abd Latip, who informed the court

that the prosecution had already submitted some of the documents to the defence and would provide the remaining documents on the next mention date.

The accused businessman, Wan Mohammad Ashraf Nasjaruddin, 42, was a former logistics and security director of Shah Alam Parti Pribumi Bersatu Malaysia.


He allegedly committed the act against a 25-year-old bank officer in a hotel restroom in Jalan Bukit Bintang at 5am on Jan 2.

The charge against him falls under Section 377CA of the Penal Code, which carries a maximum penalty of 30 years' imprisonment and whipping if found guilty.

Lawyers Datuk Mohamad

Hanafiah Zakaria and Datuk Ishak Mohd Yusoff represented Wan Mohammad Ashraf. — Bernama





TAJUK : PANDELELA NOW A NATIONAL UNITY ICON

HARI : SELASA

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 13 JUN 2023

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Pandelela now a national unity icon

## The multilingual Bidayuh is elated to showcase her diversity to others

**KUALA LUMPUR:** She was born in a little rural village by the riverside in Bau, Sarawak, and moved to urban Kuching for her early school years.

Then, after being spotted as a sports prodigy, she was brought to the bright lights of Kuala Lumpur when she was 14.

Having gone to a Chinese school – SRJK (C) Stampin – she speaks fluent Mandarin and is also good in English, Malay and her native Bidayuh. Although she is a Bidayuh-Christian, she is often mistaken for a Malay-Muslim.

With such a diverse background, it is only fitting that national diving queen, Datuk Pandelela Rinong Pang has been chosen as a national unity icon.

The Olympics silver and bronze medallist has been installed as an icon alongside leaders, artistes and sports legends as part of the efforts to strengthen unity among the people, said National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

He was replying to a supplementary question by Aminolhuda Hassan (PH-Sri Gading) who wanted to know if the ministry intended to take up his suggestion to produce a short film on a sports legend to promote unity.

If anything, Pandelela knows all about unity. “I have felt right at home in Bukit Jalil (sports complex in Kuala Lumpur). Through sports, I mingled with all my Malay, Chinese and Indian friends,” she said in an earlier interview.

“Through our travels to differ-

ent parts of the world, my teammates and I saw and experienced many things – the different places, people, lifestyles and cultures. We became more open-minded and understood and appreciated one another’s differences.”

Pandelela has won the National Sportswoman of Year Award four times – in 2011, 2012, 2015 and 2021. She was also named the Sarawak Sports Youth Icon in 2016 and the Yakult Sports Icon in 2017.

The 30 year old, who is now aiming for a fifth Olympics appearance in Paris next year, said she was happy to be made an icon.

“I think this appointment promotes unity through volunteerism among the youths. I will honour this responsibility to contribute back to our community, through sportmanship or volunteerism,” said Pandelela, who is now in training.

Meanwhile, Aaron said the National Unity Ministry was not involved in the process of monitoring and editing dramas and films, as matters related to film production and shooting came under the National Film Development Corporation Malaysia (Finas). He said the grant of approval for a film’s content was the responsibility of the Film Censorship Board (LPF).

Aaron said the ministry’s role was to monitor issues concerning harmony and unity through the e-Sepakat system, and implement programmes for dialogues or discussions on inter-faith understanding.




**Our national pride:** Pandelela has her eyes set on making her fifth Olympics appearance in Paris next year.

Aaron was responding to a question from Wan Razali Wan Nor (PN-Kuantan) on the ministry’s involvement in the process of monitoring and editing dra-

mas and films to ensure that the works produced uphold the values of harmony and do not touch on racial and religious sensitivities.





TAJUK : SEVEN CLINICS FOR MALE FERTILITY ISSUES SET UP

HARI : SELASA

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 13 JUN 2023

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Seven clinics for male fertility issues set up

SEVEN clinics for men's health and well-being to help them deal with fertility problems have been set up by the Health Ministry, said Deputy Women, Family and Community Development Minister Raj Murni Sabu.

She said they are the Kuala Lumpur, Johor Baru and Penang subfertility clinics while the other four are known as Nur Sejahtera Clinics (KNS), with one of them located at Jalan Raja Laut in Kuala Lumpur.

The other three KNS are in Melaka, Dungun (Terengganu) and Sarawak.

"The setting up of these clinics is one of the three initiatives of the National Population and Family Development Board (LPPKN) to overcome the problem of male infertility in the country," she said, adding that the subfertility clinics offer insemination procedure (IUI), in-vitro fertilisation (IVF) and intra cytoplasmic sperm injection (ICSI) services, Bernama reported.

Raj Murni said this during the question and answer session in response to a supplementary question from Manndzri Nasib (BN-Tenggara), who wanted to know the initiatives taken by the government to help men with fertility problems.

The government, she said, also held activities through advocacy programmes as well as provided tax exemptions for fertility treatment of up to RM6,000, and subsidy for civil servants.

Raj Murni said the government's objective of helping couples, especially those in the M40 and B40 groups, to deal with the problem of infertility through the LPPKN subfertility service had been achieved.

"The response to the service, introduced in 1979, had been good with 40,576 new cases and 262,657 repeat cases recorded as of last April," she added.



TAJUK :	FARMER CRASHES VEHICLE INTO CONVENIENCE STORE		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	THE SUN DAILY
TARIKH :	13 JUN 2023	M/SURAT :	05
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

## Farmer crashes vehicle into convenience store

**MALACCA:** A farmer was slightly injured when he accidentally stepped on the accelerator of his car and crashed it into a convenience store at a petrol station in Jalan Bukit Rambai here on Sunday.


Central Malacca district police chief ACP Christopher Patit said the incident occurred at about 7pm when the victim, Jaafar Yusof, 69, was leaving the petrol station after refuelling his car.

Patit said the man is believed to have hit the accelerator, instead of the brake pedal, while shifting gears.

"This caused him to crash his car into the convenience store at the petrol station, smashing five glass panels on the premises.

"The farmer was only slightly injured," he said in a statement here yesterday.

The police are investigating the case under Section 43(1) of the Road Transport Act 1987. - Bernama



TAJUK : **GIRLS IN FIGHT VIDEO UNDER INVESTIGATION**

HARI : **SELASA**

AKHBAR : **THE SUN DAILY**

TARIKH : **13 JUN 2023**

M/SURAT : **05**

TONE : **NEGATIF**

SEKTOR : **KPWKM**

# Girls in fight video under investigation


**IPOH:** The police are investigating a video that was posted online of a fight between two teenage girls in Bagan Serai.

Kerian district police chief Supt Juna Yusoff said the fight between the two girls, aged 12 and 17, occurred at about 10am on June 9.

He said the girls and their parents came to the police station yesterday to assist the police with the investigation.

"The two girls have made peace with one another and both they and their parents do not want to prolong the matter. Hence, a report regarding the parties involved not wanting to prolong the case was made by the families of the two girls."

He advised the public against speculating on the video. – Bernama



TAJUK : 7 KLINIK SUBFERTILITI LPPKN TAWAT KHIDMAT RAWAT KESUBURAN LELAKI

HARI : SELASA

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 13 JUN 2023

M/SURAT : 14

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# 7 klinik subfertiiliti LPPKN tawar khidmat rawat kesuburan lelaki

## Antara tiga inisiatif LPPKN untuk atasi masalah kesuburan lelaki

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Kesihatan (KKM) menyediakan tujuh klinik perkhidmatan klinik kes-  
ejahteraan lelaki bermula tahun lepas dalam usaha membantu menangani masalah kesuburan golongan itu di negara ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat Raj Murni Sabu berkata, perkhidmatan itu ditawarkan di Klinik Subfertiiliti Kuala Lumpur, Klinik Subfertiiliti Johor Bahru, Klinik Subfertiiliti Pulau Pinang, Klinik Nur Sejahtera (KNS) Jalan Raja Laut, KNS Melaka, KNS Dungun dan KNS Sarawak.

“Ia merupakan antara tiga inisiatif Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) untuk mengatasi masalah kesuburan golongan lelaki di negara ini.

“Selain itu, kementerian juga menyediakan klinik subfertiiliti LPPKN yang menawarkan perkhidmatan

“ Selain itu, kementerian juga menyediakan klinik subfertiiliti LPPKN yang menawarkan perkhidmatan Prosedur Permanian Beradas (IUI), Pensusyawaan In-Vitro (IVF) dan Intra Cytoplasmic Sperm Injection (ICSI). ”

**Raj Murni Sabu**  
Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

Prosedur Permanian Beradas (IUI), Pensusyawaan In-Vitro (IVF) dan Intra Cytoplasmic Sperm Injection (ICSI),” katanya dalam sesi soal jawab di Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Manndzri Nasib (BN-Tenggara) yang ingin mengetahui apakah inisiatif khusus kerajaan untuk membantu lelaki yang mengalami masalah kesuburan.

Katanya, kerajaan turut mengadakan aktiviti melalui advokasi dan promosi serta

pengecualian cukai bagi rawatan kesuburan sehingga RM6,000 selain bantuan program subsidi rawatan kesuburan yang kebanyakan disediakan untuk penjawat awam selain mereka turut boleh menuntut daripada majikan perbelanjaan rawatan itu.


Sementara itu, Raj Murni berkata hasrat kerajaan untuk membantu pasangan di Malaysia bagi menangani masalah ketidaksusuburan khususnya mereka yang berpendapatan sederhana dan rendah iaitu M40 dan B40 melalui

perkhidmatan Subfertiiliti LPPKN, telah mencapai objektif.

“Berdasarkan data, perkhidmatan ini yang diperkenalkan sejak 1979 hingga April lalu menunjukkan perkhidmatan Subfertiiliti LPPKN mendapat sambutan memberangsangkan dan dalam tempoh berkenaan sebanyak 40,576 kes baharu direkodkan dengan 262,657 kes ulangan telah dicapai.

“Jumlah kes baharu tahunan dianggarkan setakat ini sebanyak 1,500 hingga 2,000 setiap tahun. Ini menunjukkan perkhidmatan Subfertiiliti LPPKN terus mendapat sambutan konsisten, manakala jumlah kes ulangan boleh mencecah sehingga 9,000 kes setiap tahun,” katanya.

Secara langsung katanya, angka itu menunjukkan keyakinan pasangan untuk terus mendapatkan perkhidmatan Subfertiiliti LPPKN. — Bernama



TAJUK :	61 ORANG JAYAKAN KEMPEN DERMA DARAH DI SARIKEI		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	13 JUN 2023	M/SURAT :	05
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM



**MENDAPAT SAMBUTAN:** Kempen derma darah anjuran Persatuan Pemuliharaan Hayat Sarikei dengan kerjasama PBSM Cabang Sarikei dan Unit Tabung Darah Hospital Sarikei kelmarin dijalankan dengan jayanya.

## 61 orang jayakan kempen derma darah di Sarikei

SARIKEI: Seramai 61 orang telah berjaya menderma darah kelmarin semasa program kempen derma darah anjuran Persatuan Pemuliharaan Hayat Sarikei dengan kerjasama Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) Cabang Sarikei dan Unit Tabung Darah Hospital Sarikei.

Pengerusi Persatuan Pemuliharaan Hayat Sarikei Wong Chin Ngie berkata, kempen itu diadakan di Perpustakaan Lama Sarikei, Dewan Majlis Daerah Sarikei bermula jam 8.30 pagi hingga 1 petang.

“Objektif utama program ini dianjurkan adalah untuk membantu pihak hospital mengutip darah bagi menampung keperluan harian di hospital terbabit.

“Selain itu juga, ia adalah platform bagi kita untuk menyemai sikap bertanggungjawab kepada pihak yang memerlukan sokongan.

“Dengan kesempatan ini, pihak kita ingin mengucapkan terima kasih kepada semua


yang telah hadir dan menjayakan kempen ini,” ujar Wong kepada media, kelmarin.

Menurut Wong, kempen berkenaan telah mendapat sambutan yang amat memberangsangkan.

“Kita berharap ia akan terus mendapat sokongan pada masa akan datang dan sambutan yang positif ini telah memberikan pihak kita semangat untuk terus menganjurkan program yang serupa pada masa akan datang.

“Sebagai penghargaan kepada semua penderma yang berjaya memberikan sumbangan darah mereka pada program ini, pihak kita telah memberikan sepaket satu kilogram beras wangi sebagai tanda sumbangan atas sokongan dan sumbangan mereka terhadap program ini.

“Kesemua darah yang berjaya dikumpul pada kempen ini telah disumbangkan kepada Tabung Darah Hospital Sarikei,” jelas Wong.



TAJUK :	ACSC GEREJA METHODIST TUBUH PUSAT JAGAAN HARIAN WARGA EMAS DI SIBU		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	13 JUN 2023	M/SURAT :	04
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

# ACSC Gereja Methodist tubuh pusat jagaan harian warga emas di SibU

**SIBU:** Persidangan Tahunan Cina Sarawak (ACSC) Gereja Methodist Malaysia Sarawak melalui sayap wanitanya telah menubuhkan pusat jagaan harian warga emas di Jalan Archer di sini.

Presiden Sayap Wanita ACSC Ting Mie Ching berkata, kos projek tersebut menelan perbelanjaan sebanyak RM1.5 juta hasil daripada dana mereka sendiri.

“Sebenarnya bangunan sudah ada di mana kita menggunakan bangunan Hostel Wanita Methodist yang sudah tidak digunakan lagi.

“Untuk projek pusat jagaan ini, kita hanya menggunakan bahagian bawahnya manakala tingkat atasnya ialah milik Hostel Wanita Methodist,” katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Pecah Tanah Projek Pusat Jagaan Harian Warga Emas ACSC di sini, kelmarin.

Ting berkata, kerja-kerja pengubahsuaian dijalankan serta-merta semalam selepas majlis tersebut yang akan mengambil masa selama enam bulan untuk disiapkan.

Katanya, pengubahsuaian bangunan itu merang-



**RASMI:** (Dari tiga kanan) Joshua, Chieng dan Clarence serta Ting (kiri) dan yang lain melakukan simbolik Majlis Pecah Tanah Projek Pusat Jagaan Harian Warga Emas ACSC di SibU, kelmarin.

kumi ciri-ciri keselamatan mengikut spesifikasi bomba, Majlis Perbandaran SibU (MPS) serta keperluan lain.

“Kita menjangkakan pusat ini akan mula beroperasi pada Januari 2024 dan ia boleh menampung seramai 60 orang warga emas.

“Ini adalah pusat harian dan tiada disediakan penginapan atau perkhidmatan seperti rumah-rumah kebajikan yang lain di mana ia

hanya beroperasi pada Isnin hingga Jumaat jam 8 pagi hingga jam 5 petang sahaja,” jelasnya.


Pada masa ini, pihaknya telah menghantar seramai 10 penjaga pusat tersebut untuk menjalani latihan.

Beliau menambah bahawa pihaknya sudah lama memohon projek itu iaitu sejak 2018.

“Setelah melalui beberapa prosedur, akhirnya hari

ini kita berjaya mendapat kelulusan daripada pihak berkaitan untuk memulakan projek ini,” tambahnya.

Majlis pecah tanah projek tersebut disempurnakan bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Assek Joseph Chieng, Pengerusi MPS Clarence Ting dan Kaunselor Joshua Ting yang mewakili ADUN Dudong Datuk Seri Tiong King Sing.



TAJUK : JULAIHI SANTUNI TIGA KELUARGA TERJEJAS KEBAKARAN DI KAMPUNG MASJID, SEBUYAU

HARI : SELASA

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 13 JUN 2023

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



## Julaihi santuni tiga keluarga terjejas kebakaran di Kampung Masjid, Sebuyau

**KUCHING:** Menteri Utiliti dan Telekomunikasi Datuk Julaihi Narawi baru-baru ini menyantuni mangsa kebakaran di Kampung

**SANTUNI:** Julaihi menyerahkan sumbangan kepada mangsa kebakaran di Kampung Masjid, Sebuyau baru-baru ini.

Masjid, Sebuyau.

Menurut kenyataan Unit Komunikasi Awam Sarawak (UKAS), beliau menyerahkan sumbangan kepada tiga keluarga yang terjejas bagi menampung keperluan hidup dalam masa terdekat.

“Sava berharap dengan bantuan ini sedikit sebanyak akan meringankan beban keluarga mangsa yang


rumahnya telah musnah terbakar tempoh hari.

“Semoga mereka bersabar dan tabah menghadapi dugaan ini,” kata Julaihi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sebuyau pada majlis ringkas Sabtu lalu.

Terdahulu, kebakaran yang terjadi pada 21 Mei lalu telah memusnahkan keseluruhan rumah berkenaan.

Dalam pada itu, Julaihi turut mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), ketua masyarakat dan ketua kaum dan golongan belia atas inisiatif menghulurkan bantuan kepada mangsa kebakaran.

Hadir sama Pegawai Daerah Sebuyau Ayuradiman Bujang.



TAJUK :	KADET WANITA BERHIJAB PERTAMA DARI MALAYSIA TERUJA SERTA AKADEMI TENTETA UDARA AS		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	13 JUN 2023	M/SURAT :	14
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## Kadet wanita berhijab pertama dari Malaysia teruja sertai akademi tentera udara AS

**KUALA LUMPUR:** Ummi Annur Syahmina Sohaini, kadet wanita berhijab pertama Malaysia yang diterima masuk ke akademi ketenteraan berprestij di Amerika Syarikat (AS) tahun ini, mahu menjadi contoh terbaik bagi seorang beliau wanita Islam yang patriotik dalam mencapai cita-cita hidupnya.

Pelajar Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) berusia 20 tahun itu, yang bercita-cita menjadi juruterbang jet tempur akan berlepas ke Akademi Tentera Udara AS (USAFA) di Colorado tidak lama lagi untuk melanjutkan pengajian dalam jurusan Penyelidikan Operasi dan Sains Data.

“Saya terkejut apabila mengetahui bahawa saya adalah wanita berhijab pertama dari Malaysia yang terpilih, namun di sinilah saya sangat percaya ada keperluan untuk saya menunjukkan contoh terbaik sebagai seorang wanita Muslim yang muda dan patriotik.

“Ini adalah laluan yang saya sudah jangka dan pilih dan saya bersedia untuk memulakan pengembaraan dengan sepenuh hati. Saya benar-benar berbangga untuk menghadiahkan negara dengan apa yang telah saya capai dan pelajari dan kini bersedia untuk menyumbang dengan minat yang tinggi dan berkat (doa) daripada banyak pihak.”

Ummi berkata demikian kepada Bernama selepas majlis meraikan kemasukan-nya ke akademi itu, bersama rakan senegara Muhammad Faidh Izzuddin Mat Sahari yang akan menyertai Akademi Tentera AS di West Point di New York, yang diadakan baru-baru ini di kediaman Duta Amerika Syarikat (AS) ke Malaysia.

“Di sini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada akademi ketenteraan AS yang meluluskan penampilan saya dengan hijab untuk berada di sana dan ini telah meningkatkan minat saya untuk berusaha yang terbaik di sana.

“Saya mungkin mengalami sedikit kejutan budaya, tetapi saya berazam untuk cepat menyesuaikan diri dengan situasi dengan bimbingan dan sokongan serta doa yang akan terus saya terima daripada ahli keluarga dan rakan tersayang,” kata Ummi Annur Syahmina, individu pertama

dalam keluarganya berkhidmat dalam tentera.

Bercakap secara khusus mengenai minatnya untuk melanjutkan pengajian dalam Sains Data sebagai subjek terasnya di akademi, beliau berkata ia adalah kemahiran dan pengetahuan yang mendapat permintaan tinggi di dunia hari ini.

“Saya amat menyukai mata pelajaran Matematik dan Teknologi Maklumat (IT). Apabila ditawarkan pengajian Sains Data, saya secara peribadi merasakan adalah satu kemestian bagi saya untuk mempelajarinya dengan lebih baik dan lebih hebat daripada akademi untuk meningkatkan pengetahuan saya.

“Sekurang-kurangnya pemilihan saya ke akademi AS menunjukkan laluan kepada ramai anak muda dan pelajar di luar sana bahawa kajian lapangan Sains Data adalah luas dan mempunyai peluang pekerjaan yang lebih tinggi.

“Dengan permintaan yang semakin meningkat walaupun dalam persekitaran tentera, saya yakin subjek teras ini akan membantu saya ke arah menjadi juruterbang jet tempur dengan Tentera Udara Diraja Malaysia,” kata anak kelahiran Port Dickson itu.


Ummi Annur Syahmina dan Muhammad Faidh dipilih selepas melalui proses pemilihan ketat yang menilai potensi kepimpinan, kecergasan fizikal dan pencapaian akademik mereka.

Menurut laman sesawang rasmi Kedutaan AS di Malaysia, ribuan belia lelaki dan wanita bersaing untuk memasuki Akademi Ketenteraan AS di seluruh dunia dan hanya 10 peratus dipilih.

Tahun ini, sebanyak 89 negara dijemput untuk meletakkan calon dengan matlamat mendaftarkan 15 pelajar asing di setiap akademi ketenteraan.

Ketika ini terdapat lapan kadet dari Malaysia di Akademi Ketenteraan AS – dua di Akademi Tentera AS (West Point, New York), tiga di Akademi Tentera Laut AS (USNA) dan tiga lagi di USAFA.

Ummi Annur Syahmina dan Muhammad Faidh akan menamatkan pengajian di akademi masing-masing pada 2027. — Bernama



TAJUK : PENGANGGUR WANITA LEGA DILEPAS, DIBEBAS DARIPADA PERTUDUHAN EDAR DADAH

HARI : SELASA

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 13 JUN 2023

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



**LEGA:** Tertuduh (tengah) diiring polis berjabat tangan dengan peguamnya Louis (kanan) semasa berada di lobi Kompleks Mahkamah Kuching selesai prosiding petang semalam.

## Penganggur wanita lega dilepas, dibebas daripada pertuduhan edar dadah

**KUCHING:** Seorang penganggur wanita menarik nafas lega setelah Mahkamah Tinggi di sini, semalam melepas dan membebaskannya daripada pertuduhan mengedar 105.43 gram Methamphetamine pada 2020.

Hakim Dr Alwi Abdul Wahab memutuskan demikian terhadap Wee Siang Joo, 28, selepas pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh pada akhir pendakwaan kes.

Sehubungan itu, mahkamah memerintahkan tertuduh dilepas dan dibebaskan tanpa perlu dipanggil untuk mem-bela diri.

Mengikut pertuduhan, wanita tersebut didakwa melakukan kesalahan itu sekitar jam 2 petang di sebuah rumah di Taman Kenny, Lorong Jelutong 5 di sini, pada 8 September 2020.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) akta sama yang jika sabit kesalahan, boleh dihukum gantung sampai mati atau penjara seumur hidup dan sebatan tidak kurang daripada 15 sebatan jika tidak digantung sampai mati.


Difahamkan, pihak polis melakukan serbuan ke atas

rumah sewa tersebut dan menahan tertuduh bersama sembilan individu lain pada hari kejadian susulan disyaki terlibat kegiatan dadah.

Semasa serbuan juga, difahamkan pihak polis merampas beberapa pekuk plastik lutsinar disyaki berisi dadah di tingkat bawah rumah tersebut.

Kes yang dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Ronie Entili itu menyaksikan pihak pendakwaan memanggil seramai lima saksi untuk memberikan keterangan mereka dalam kes ini.

Tertuduh diwakili peguam Louis Jarau.



TAJUK :	POLIS MINTA BANTUAN KESAN WANITA HILANG		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	13 JUN 2023	M/SURAT :	13
TONE :	NEUTRAL	SEKTOR :	KPWKM

## Polis minta bantuan kesan wanita hilang

IPOH: Polis meminta bantuan orang ramai untuk mengesan seorang wanita yang dilaporkan hilang sejak Oktober lepas di Taman Mas, dekat Chemor, di sini.


Ketua Polis Daerah Ipoh, ACP Yahaya Hassan, berkata laporan kehilangan wanita kurus berkulit cerah itu, Yusshakina Mohd. Zulkepli, 34, dibuat oleh ibunya pada 21 Oktober lalu di Balai Polis Kampung Tawas, dekat sini.

“Wanita itu tidak tinggal bersama ibunya dan menetap sendiri dan hanya pulang ke rumahnya sekali-sekala jika ada sebarang perayaan atau keperluan.

“Kali terakhir ibunya dapat menghubunginya adalah melalui panggilan telefon pada 5 Disember lepas,” katanya ketika dihubungi Bernama.

Katanya, ibu kepada wanita itu memaklumkan bahawa sebelum ini Yusshakina bekerja di sebuah butik bersama rakan-rakannya dan tidak dapat dijejaki sehingga kini.

Justeru, orang ramai yang menjumpai atau mempunyai maklumat mengenai individu tersebut boleh menghubungi pegawai penyiasat kes, Sarjan Mejar Cheam Aik Theng, di talian 019-5580986 atau Ibu Pejabat Polis Daerah Ipoh di talian 05-2451500. — Bernama



TAJUK : POLIS TAHAN LELAKI RAGUT BEG MILIK LELAKI WARGA EMAS

HARI : SELASA

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 13 JUN 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Polis tahan lelaki ragut beg milik lelaki warga emas

**TAWAU:** Seorang lelaki tempatan ditahan selepas dipercayai terbabit dalam kejadian ragut beg milik warga emas di Batu 4, Jalan Apas, di sini.

Suspek berumur 26 tahun itu ditahan sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Berat (D9) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tawau di Kampung Air, Batu 4, Jalan Apas, kira-kira jam 11 malam Sabtu lalu.

Ketua Polis Daerah Tawau Asisten Komisioner Jasmin Hussin berkata, polis turut merampas sekeping kad pengenalan mangsa

daripada suspek terbabit.

Katanya, ujian saringan air kencing mendapati suspek positif dadah jenis Methamphetamine dan tidak memiliki sebarang rekod jenayah lampau.

“Sebelum ini, lelaki warga emas terbabit membuat laporan mengenai beg miliknya yang mengandungi wang tunai dan dokumen penting diragut oleh seorang lelaki tidak dikenali pada 24 April lalu.

“Suspek terbabit ditahan dan kini direman untuk siasatan lanjut,” katanya dalam kenyataan media, di

sini semalam.


Sementara itu, Jasmin menasihati orang ramai supaya lebih berhati-hati ketika membawa barang yang berharga ketika berada di tempat awam.

“Kecenderungan mangsa memakai dan mempamerkan barangan berharga secara tidak langsung mendedahkan diri mereka sebagai sasaran peragut.

“Lebih membimbangkan, mangsa juga berpotensi cedera dan kehilangan nyawa sekiranya peragut bertindak agresif,” katanya.



**RAGUT:** Suspek ragut warga emas berjaya ditahan di Kampung Air Batu 4, Jalan Apas.



TAJUK : SUPP BAWANG ASSAN SERAH KERUSI RODA KEPADA MANGSA KEMALANGAN

HARI : SELASA

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 13 JUN 2023

M/SURAT : 04

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## SUPP Bawang Assan serah kerusi roda kepada mangsa kemalangan

**SIBU:** Prihatin dengan nasib menimpa seorang lelaki di Bawang Assan, di sini yang lumpuh setelah terbabit dalam kemalangan, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Masyarakat Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) Bawang Assan Kaunselor Kevin Lau tampil menyumbangkan kerusi roda.

Mangsa telah menganggur sejak kejadian malang itu dan keadaan tersebut menjejaskan pendapatan keluarga.

Bantuan kerusi roda tersebut diterima isteri mangsa Sendi Tuah di sebuah kedai makan di Jalan Hospital Lau King Howe berhampiran Dataran Tun Tuanku Haji Bujang Fasa 2.

Lau semasa penyerahan itu berkata, beliau mengetahui nasib keluarga tersebut melalui bekas rakan sekelasnya.

“Susulan itu, pasukan perkhidmatan kami melawat keluarga dan mendapati mangsa memerlukan kerusi roda.

“Oleh itu kami datang untuk membantu beliau dalam usaha kami untuk melahirkan masyarakat penyayang,” katanya dalam satu kenyataan kelmarin.

Katanya, bekas rakan sekelasnya turut menyerahkan sumbangan wang tunai kepada keluarga berkenaan.

Lau berkata, anggota pasukan perkhidmatan bergerak SUPP Bawang Assan sen-

tiasa berada di kedai-kedai minum bagi memudahkan penyediaan perkhidmatan kepada golongan yang memerlukan.


Selain itu, program seumpama itu merupakan salah satu projek SUPP, di mana mereka akan turun padang mendekati penduduk kampung yang hidup dalam serba kekurangan.

“Turut membantu menjayakan program tersebut ialah ahli majlis kepada Majlis Daerah Luar Bandar Sibul (MDLBS) serta ketua masyarakat.

“Marilah kita bersama-sama membina dan mewujudkan masyarakat penyayang,” katanya.



**TERIMALAH:** Lau (empat kanan) menyerahkan kerusi roda kepada Sendi untuk kegunaan suaminya yang lumpuh akibat kemalangan baru-baru ini.



TAJUK :	UTS LANCAR AKTIVITI GOTONG-ROYONG DI SIBU BENEVOLENT SOCIETY NURSING HOME		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	13 JUN 2023	M/SURAT :	05
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## UTS lancar aktiviti gotong-royong di SibU Benevolent Society Nursing Home

**SIBU:** Universiti Teknologi Sarawak (UTS) melancarkan aktiviti gotong-royong di SibU Benevolent Society Nursing Home, sebagai sebahagian tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Program CSR melibatkan Jabatan Program Ukur Bahan (QS) universiti di bawah School of Built Environment (SBE).

“Objektif aktiviti ini adalah menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan menerapkan nilai positif dalam kalangan pensyarah dan pelajar UTS.

“Antara aktiviti dilakukan ialah membersihkan kaca tingkap di blok wanita, lelaki dan pejabat, membersihkan bahagian



**LANCAR:** Pensyarah dan pelajar UTS bersama kakitangan SibU Benevolent Society Nursing Home melancarkan aktiviti gotong-royong.


luar menggunakan pancutan air serta mengikis daun-daun kering di halaman rumah.

“Acara ini disertai sembilan

pensyarah SBE dan lapan pelajar QS,” kata kenyataan akhbar itu.

Jabatan QS merancang

mengadakan acara CSR jenis lain pada masa akan datang yang memberi nilai sosial positif secara berterusan.



TAJUK : WANITA WARGA EMAS MAUT DALAM NAHAS KERETA DAN LORI

HARI : SELASA

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 13 JUN 2023

M/SURAT : 06

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

# Wanita warga emas maut dalam nahas kereta dan lori

Kereta dinaiki terlibat kemalangan dengan sebuah lori di Jalan Lundu-Bau, Kampung Stenggang, Lundu semalam

Oleh Hamkar Sarbinee

**KUCHING:** Seorang warga emas disahkan meninggal dunia apabila kereta yang dinaiki terlibat kemalangan dengan sebuah lori di Jalan Lundu-Bau, Kampung Stenggang, Lundu semalam.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) memberitahu, pihaknya menerima laporan kejadian sekitar jam 12.33 malam.

Menurutnya, sebaik menerima laporan, sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bau dan BBP Lundu bergegas ke lokasi.

"Setiba di lokasi didapati kemalangan membabitkan dua kenderaan iaitu kereta yang dinaiki mangsa dan sebuah lori 10 tan tanpa

“Setiba di lokasi didapati kemalangan membabitkan dua kenderaan iaitu kereta yang dinaiki mangsa dan sebuah lori 10 tan tanpa muatan.”

**Jurucakap**  
Pusat Gerakan Operasi, JBPM

muatan.

"Operasi mengeluarkan mangsa wanita itu dijalankan apabila didapati tersepit di tempat duduk bahagian hadapan akibat kemalangan berkenaan," katanya dalam kenyataan semalam.

Jelas bomba, mangsa yang berusia 64 tahun itu disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian oleh pasukan perubatan.

"Mangsa telah diserahkan kepada anggota polis untuk tindakan lanjut," katanya.

Menurut bomba, pemandu kereta yang dinaiki mangsa, iaitu seorang lelaki berjaya dikeluarkan oleh orang awam sebelum ketibaan anggota.

"Unit EMRS bertindak memberi rawatan awal kepada lelaki berkenaan sebelum diserahkan kepada pihak Hospital Bau untuk rawatan lanjut," katanya sambil menambah, pemandu lori tidak mengalami kecederaan.

Ujarnya, setelah memastikan keadaan terkawal, anggota bergerak balik ke balai dan operasi ditamatkan jam 2.53 pagi.



**MAUT:** Bomba berusaha mengeluarkan seorang wanita warga emas yang tersepit di tempat duduk penumpang hadapan setelah kereta yang dinaiki terlibat kemalangan.



TAJUK :	WARGA EMAS REMPUH KEDAI SERBANEKA STESEN MINYAK		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	13 JUN 2023	M/SURAT :	13
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

## Warga emas rempuh kedai serbaneka stesen minyak

**MELAKA:** Seorang warga emas cedera ringan selepas kereta dipandunya merempuh kedai serbaneka di stesen minyak Jalan Bukit Rambai di sini malam kelmarin.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah ACP Christopher Patit berkata dalam kejadian kira-kira 7 malam itu, mangsa Jaafar Yusof, 69, baru sahaja selesai membuat pengisian minyak di stesen pam terabit sebelum tertekan pedal minyak ketika memasuki gear D.

“Ia menyebabkan kereta jenis Hyundai Sonata dipandunya terbabas dan melanggar kedai tersebut menyebabkan lima panel gelas kaca pecah, manakala lelaki yang bekerja sebagai pesawah itu cedera ringan di kaki dan tiada kecederaan pada orang awam,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kes disiasat mengikut Seksyen 43(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987. — Bernama